

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,  
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,  
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	<b>TAJUK</b>	<b>'SYARIKAT TERUS KAYA, 16 KAMPUNG DIANCAM BAHAYA'</b>
	<b>SUMBER</b>	<b>BH ONLINE (9 JULAI 2024)</b>
	<b>BIDANG PERKARA/SUBJEK</b>	<b>ALAM SEKITAR</b>
	<b>MUKA SURAT/RUANGAN</b>	<b>8 (NASIONAL)</b>



Laluan balak mula dibina di kawasan Bukit Gunung Bongsu. (Foto ihsan penduduk)

# 'Syarikat terus kaya, 16 kampung diancam bahaya'

**Kerja penebangan hutan undang malapetaka termasuk cemar bekalan air**

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
[bnnews@bh.com.my](mailto:bnnews@bh.com.my)

**Kulim:** Kerja penebangan pokok yang di kawasan Hutan Simpan Gunung Bongsu, di sini, dipercayai untuk laluan pembalakan, menimbulkan kebimbangan penduduk 16 kampung sekitar kaki gunung berkenaan.

Kawasan kaki gunung menempatkan kira-kira 16,000 penduduk, paling dekat di pekan Karangan, Kampung Ulu Paip, Kampung Kemunting, Kampung Seberang Jaya, Banggol Perwegat, Padang Janggus, Padang Limau, Batu Putih, Belakang Masjid dan Jangkang.

Penduduk Ulu Paip, Abdul Wahab Syakroni Wahi, 37, berkata kampung di kaki Gunung Bongsu berisiko dilanda banjir puing kerana dua sungai utama dari gunung, iaitu Sungai Ulu Paip dan Sungai Kob mengalir melalui kawasan berkenaan.

Katanya, biarpun aktiviti pembalakan di kompartmen 15, 42, 43 di Gunung Bongsu belum bermula, penduduk terutama yang tinggal berdekatan dua sungai berkenaan gelisah memikirkan nasib mereka.

"Ketika ini syarikat yang mendapat kebenaran pembalakan di kawasan itu dalam proses membuka laluan balak bagi memulakan aktiviti ladang hutan di kompartmen berkenaan.

"Kesan awal sudah dapat dilihat setiap kali hujan lebat lebih sejam, kepala air turun deras. "Jika ada aktiviti pembalakan nanti, berisiko berisiko terdedah kepada bencana dan kerosakan bakal ditanggung pastinya teruk, selain hilang harta benda. "Syarikat pembalakan pula terus kaya raya, semua ini tidak sepadan dengan risiko dihadapi penduduk," katanya.

Mengikut rekod, pembangunan ladang hutan kira-kira 500 hektar di kompartmen 15, 42 dan 43 hutan simpan terabit sudah diluluskan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Hasil Bumi Negeri Kedah kepada Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMB-Ked) pada 14 Disember 2014.

**Peroleh kelulusan EIA**

Projek ladang hutan itu juga mendapat kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 25 Jun 2021.

Bagaimanapun, kerja pembalakan tidak dimulakan kerana lesen belum dikeluarkan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) yang masih menunggu penyediaan Rancangan Pengurusan Ladang Hutan (RPLH).

Abdul Wahab turut mempersoalkan bagaimana projek ladang hutan itu mendapat kelulusan EIA tanpa mengambil kira pandangan penduduk yang dikhuatiri menerima kesannya selepas penebangan pokok dilakukan.

Beliau mengimbau kejadian dua beranak di Kampung Baru, Sungai Kob yang terkorban di hanyutkan banjir ketika cuba mengalih kereta di hadapan rumah pada 29 Mei 2018, dipercayai kesan pembalakan di gunung sama.

"Rumah mereka juga dihanyutkan arus. Saya antara yang turut membantu bomba mencari mangsa sebelum mayat mereka ditemui sehari selepas kejadian, seorang tersesit antara balak hanyut dan seorang lagi tersangkut pada pokok sawit.

"Ketika kejadian, terdapat aktiviti pembalakan di kompartmen 52, 53 dan 51 Gunung Bongsu. Kami bimbang kejadian sama berulang jika sudah ada aktiviti pembalakan nanti, tidak mustahil tragedi banjir puing di Kampung Iboi, Baling berulang," katanya.

Selain banjir puing, penduduk juga khawtir risiko runtuh tanah dan pencemaran air sungai ke kawasan kampung yang akan menyebabkan mereka menderita kehilangan harta benda, malah nyawa.

Seorang lagi penduduk, Zarina Md Asid, 61, juga bimbang penebangan pokok dan projek ladang rakyat di gunung berkenaan akan merosakkan sumber air yang digunakan penduduk sejak 1970-an lagi.

"Lebih 20 rumah di kaki gunung guna air dari empangan kecil yang dibina di sungai berdekatan, manakala kira-kira 50 pe-



milik kebun guna sumber air dari gunung. Jika ada pembalakan di hutan ini, kami bimbang sumber air terjejas dan tercemar dengan lumpur.

"Kami tidak dapat guna bekalan air dari Syarikat Air Darul Aman (SADA) kerana tekanan sangat rendah di sini," kata ibu kepada 12 anak ini yang turut khawtir pembalakan menyebabkan kehilangan kawasan rekreasi Air Terjun Ulu Paip terjejas dan air jernihnya tercemar.

**Risiko dilanda banjir puing**

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) Pekan Karangan, Foo Khi Hui, 43, berkata sebanyak 93 rumah kedai di pekan itu berisiko dilanda banjir puing berikutan kedudukan lokasi berkenaan berhampiran Sungai Ulu Paip.

"Saya sudah membelanjakan kira-kira RM50,000 untuk meninggikan bahagian dapur rumah lima tahun lalu selepas kawasan rumah kerap dinaiki air. Tahun ini saja sudah tiga kali banjir, rumah kedai saya teresalut selepas saya tinggikan bahagian dapur, jika tidak, air masuk dalam rumah.

"Saya bimbang nasib penduduk, jika ada kerja pembalakan, aliran air dari Sungai Ulu Paip akan sangat deras selepas hujan. Apabila tiada pokok, banjir boleh jadi makin buruk," katanya.

**Antara bencana dikaitkan dengan pembersihan hutan tanah tinggi**

**25 November 2023:** Arus deras turun dari kawasan tinggi membanjiri kawasan rendah di pekan Bukit Tinggi. Kenderaan terperangkap, harta benda dihanyutkan air. Puncanya dipercayai akibat hakisan kerana penerokaan tanah secara haram di hutan simpan.

**16 Disember 2022:** 31 mangsa terkorban dalam tragedi tanah runtuh di sebuah tapak perkhemahan di tanah tinggi Batang Kali, Selangor, akibat kegagalan cerun di kawasan disifatkan sensitif kepada pembangunan tanah.

**4 Julai 2022:** Banjir puing melanda Kampung Iboi di Baling, jejas 41 kawasan, 3 maut dan kerugian dianggarkan RM28 juta. Punca dipercayai akibat runtuh tanah

disebabkan hakisan di hutan sekunder Gunung Inas berikutan pemukaran guna tanah kepada hutan ladang sejak 2010.

**28 Julai 2022:** Kampung Iboi, beberapa penempatan lain berhampiran Sungai Kupang dilanda lagi insiden banjir kilat, kepala air dari Gunung Inas dan melimpahi Sungai Iboi, menyebabkan puluhan kediaman terjejas.

**18 Ogos 2021:** Banjir besar, kepala air dari arah Gunung Jerai melanda Yan, Kedah, memusnahkan harta benda dan menyebabkan kehilangan nyawa. NGO alam sekitar mendakwa ia akibat penebangan pokok, pembersihan tanah, namun dinafikan kerajaan negeri.



2.	TAJUK	JPNK BELUM KELUAR LESEN TEBANG BALAK DI TIGA KOMPARTMEN
	SUMBER	BH (9 JULAI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	8 (NASIONAL)

Penduduk rayu larang pembalakan di Gunung Bongsu

# JPNK belum keluar lesen tebang balak di tiga kompartmen

Jabatan masih dalam proses penyediaan Rancangan Pengurusan Ladang Hutan

**Eksklusif**

aan Rancangan Pengurusan Ladang Hutan (RPLH).

**Kelulusan diperolehi 2014**

Beliau mengesahkan permohonan pembalakan di kawasan seluas 500 hektar di gunung itu diluluskan pada 14 Disember 2014 melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Hasil Bumi Negeri Kedah kepada Perbadanan Menteri Besar Kedah (PMB-Ked).

Katanya, projek ladang hutan juga mendapat laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) daripada Jabatan Alam Sekitar

(JAS) pada 25 Jun 2021 dan JPNK akan memastikan aktiviti pembalakan memberi impak alam sekitar minimum sekiranya dilaksanakan kelak.

"Pihak jabatan akan bekerjasama dengan agensi teknikal lain memantau kawasan ini sekiranya ia dibangunkan nanti.

"Dalam memastikan impak alam sekitar yang minimum, aktiviti pembalakan dirancang dijalankan secara berfasa," katanya.

Mengikut perancangan, beliau berkata, pemaju perlu menjalankan pembalakan fasa satu terlebih dahulu dan kemudian menanam semula sepenuhnya pokok di kawasan yang dibalak dengan spesies Ladang Hutan (*Albiziafalcataria @ Batai*) sebelum fasa berikutnya dibenarkan untuk pembalakan.



Sungai Ulu Paip di Hutan Simpan Gunung Bongsu keruh selepas hujan.

3.	TAJUK	KELULUSAN LAPORAN EIA DIDAKWA TAMAT TAHUN LALU
	SUMBER	BH (10 JULAI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	14 (NASIONAL)

14

Nasional

Rabu, 10 Julai 2024 BH

# Kelulusan laporan EIA didakwa tamat tahun lalu



**GRASS gesa JAS nilai semula impak projek kepada alam sekitar, penduduk**

Oleh Noorazura Abdul Rahman  
[bnnews@bh.com.my](mailto:bnnews@bh.com.my)

**Alor Setar:** Jabatan Alam Sekitar (JAS) digesa membuat pemantauan berkala di Gunung Bongsu, Kulim, bagi memastikan sebarang kegiatan pembalakan bagi projek ladang hutan di kompartmen 14, 42 dan 43 adalah mengikut undang-undang.

Pengerusi Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS) Kedah, Mohd Sobri Ramlee, berkata pihaknya mendapati kelulusan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) pada 25 Jun 2021, didakwa sudah tamat tempoh pada 25 Jun 2023.

"Ini bermakna sudah setahun ia tamat tempoh. Jika tiada ke-

lulusan, pihak saya berharap JAS menilai semula impak yang akan berlaku terhadap alam sekitar dan penduduk.

"Kerajaan negeri dan anak syarikatnya, Perbadanan Menteri Besar (MB), perlu melihat dan menilai semula mengenai pembalakan di kawasan itu.

"Ia memberi banyak kesan buruk kepada penduduk di Kampung Ulu Paip, terutama terhadap sumber air tandak untuk mereka yang dibina Kementerian Kesihatan (KKM) pada 1970-an.

"Kebanyakan penduduk bergantung pada sumber air itu kerana tekanan air yang disalurkan

Syarikat Air Darul Aman (SADA) adalah sangat rendah.

"Pada masa sama, pihak saya hairan kerana permohonan penduduk Kampung Kemuning Baru untuk mewartakan kawasan sumber air tandak mereka juga masih belum dituluskan Jabatan Perhutanan Kedah (JPKN)," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Semalam, *BH* melaporkan kerja penebangan pokok yang sedang dilaksanakan di kawasan Hutan Simpan Gunung Bongsu, dipercayai untuk laluan pembalakan, menimbulkan kebimbangan penduduk di 16 kampung sekitar kaki gunung itu.

Penduduk Kampung Ulu Paip, Abdul Wahab Syakroni Wahid, 37, dipetik berkata, petempatan di kaki Gunung Bongsu berisiko dilanda banjir puing kerana dua sungai utama dari gunung, iaitu Sungai Ulu Paip dan Sungai Kob, mengalir melalui kawasan berkenaan.

## Iharat bom jangka

Mohd Sobri berkata, pihaknya sangat bimbang risiko ribuan penduduk puluhan kampung di kaki gunung itu boleh mengalami kesan hampir sama seperti penduduk di Kupang akibat banjir puing sehingga meragut nyawa dan kehilangan harta benda.

Beliau menyifatkan proses membuat lereng atau teras bukit bagi ladang hutan ibarat 'bom jangka' ketiga di Kedah selepas Gunung Inas, Baling, dan Hutan Simpan Rimba Teloi di Sik.

"Sekiranya projek itu bermula nanti, teras dibuat untuk menanam pokok akan membentuk cerun curam dan penduduk berisiko terkena musibah bencana alam yang teruk.

"Saya sudah membuat pemerhatian selama enam tahun ber-

mula 2018. Setiap tahun, pihak saya bersama penduduk akan berbingcing dan melakukan tinjauan.

"Berdasarkan pemerhatian kami, risiko banjir puing di kawasan ini sangat tinggi," katanya.

Mohd Sobri berkata, misalnya di Kampung Iboi, banjir puing juga akan menyebabkan tanaman musnah, selain penduduk yang bergantung pada ternakan ikan air tawar akan kehilangan sumber pendapatan mereka.

Selain itu, beliau berkata, pihaknya bimbang konflik antara haiwan liar dengan manusia akan bertambah buruk.

"Saya pernah mendapat aduan mengenai seekor lembu ternakan penduduk dibunuh harimau. Saya yakin jika berlaku pembalakan di kompartmen terbabit, haiwan akan keluar memusnahkan tanaman di kebun penduduk.

"Pada masa sama, kita bimbang penduduk hilang pendapatan apabila tiada lagi tarikan alam semula jadi di kawasan itu sekiranya pembalakan berlaku nanti," katanya.

**Ia memberi banyak kesan buruk kepada penduduk di Kampung Ulu Paip, terutama terhadap sumber air tandak untuk mereka yang dibina Kementerian Kesihatan (KKM) pada 1970-an**



**Mohd Sobri Ramlee,**  
Pengerusi Pertubuhan Alam Sekitar Sejahtera Malaysia (GRASS) Kedah

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa ([haslindamustaffa@doe.gov.my](mailto:haslindamustaffa@doe.gov.my))
2. Jamilah Binti Abdullah ([jamilah@doe.gov.my](mailto:jamilah@doe.gov.my))
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan ([zarza@doe.gov.my](mailto:zarza@doe.gov.my))

Perpustakaan Enviro Digital@Eimas  
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)  
Jabatan Alam Sekitar  
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
43600 UKM Bangi, Selango